

EKONOMI SEBAGAI HALA PENENTUAN PERKEMBANGAN
KUMPULAN MUZIK POP MELAYU DI MALAYSIA.
KAJIAN KHAS DITUMPUKAN KEPADA
KUMPULAN HEAVY MACHINE (1970-1989).

OLEH

MUHAMMAD RONI BIN MOHAMED

SESI 1990/91

NO. PELAJAR: 86654264

DIPLOMA IN MUSIC
KAJIAN SENILUKIS DAN SENIREKA
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
1990.

PENGHARGAAN

Syukur kehadiran Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnia dan izinnya, kajian ilmiah ini telah dapat disiapkan.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada Encik Khairil, selaku penasihat kajian ilmiah ini, yang telah banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar untuk menyiapkan kajian ilmiah ini. Di samping itu diucapkan terima kasih kepada ketua Jabatan Muzik, Puan Ramona Tahir, pensyarah-pensyarah sepenuh masa serta pensyarah-pensyarah sambilan di Jabatan Muzik yang telah memberi bimbingan dan nasihat kepada saya tentang kajian ilmiah ini.

Terima kasih yang tidak terhingga juga buat Mak, Ayah, abang dan adik-adik yang banyak memberi dorongan, kasih sayang dan bantuan, serta semua rakan-rakan di Jabatan Muzik.

Penghargaan juga, ingin disampaikan kepada kumpulan Heavy Machine, Alleycats, Headwind, Freedom, RTM, TV3, syarikat-syarikat rakaman WEA, LIFE, POLYGRAM, Luncai Emas Sdn. Bhd. dan pemuzik-pemuzik profesional serta orang-orang perseorangan yang sudi ditemuramah dan telah memberi maklumat-maklumat dan keterangan-keterangan lanjut mengenai perkembangan muzik pop di Malaysia.

KANDUNGAN

<u>Kandungan</u>	<u>Halaman</u>
Penghargaan.....	I
Kandungan.....	II
Senarai sisipan.....	III
BAB I	
<u>Pendahuluan</u>	
1.1 Permasalahan.....	1
1.2 Tujuan Penyelidikan.....	3
1.3 Kaedah Penyelidikan.....	4
1.4 Skop Penyelidikan.....	6
BAB II	
<u>Perkembangan Muzik Pop Di Malaysia.</u>	
2.0 Pengenalan.....	11
2.1 Sejarah Perkembangan.....	12
2.2 Peranan Kerajaan.....	18
2.3 Peranan Swasta.....	20
2.3.1 Syarikat Rakaman.....	21
2.3.2 Kelab Malam.....	23
2.3.3 Konsert Bergerak (Road Show).....	25

A

SINOPSIS

Bab 1. Pendahuluan

Di dalam bab satu ini penulis menerangkan tentang tujuan permasalahan, penyelidikan, kaedah penyelidikan dan skop penyelidikan. Kandungan yang terdapat dalam bab ini lebih menumpukan kepada pendekatan membuat kajian ilmiah ini.

Permasalahan yang timbul terhadap kajian ini adalah tentang sumber pendapatan kepada kumpulan muzik pop di Malaysia. Di sini penulis mendapati kebanyakan kumpulan muzik pop di Malaysia ini adalah tidak dapat bertahan lama kerana sumber pendapatan yang tidak memuaskan. Dari sumber pendapatan ini sudah tentu akan menggugat perkembangan kumpulan muzik pop di Malaysia. Oleh itu penulis cuba menyelidik dengan mengambil contoh kumpulan muzik pop yang terkenal iaitu Heavy Machine. Selain daripada itu penulis juga mengambil fakta-fakta ringkas dari kumpulan muzik pop yang lain sebagai bukti itu kumpulan muzik pop yang terkenal di Malaysia juga iaitu Alleycats dan Head Wind. Oleh itu penulis cuba membuktikan bahawa sumber pendapatan sesuatu

BAB I

Pendahuluan

1.1 Permasalahan

Perkembangan muzik pop di Malaysia kini semakin berkembang dengan pesatnya. Ini boleh dilihat dengan jelas perbezaan-perbezaan yang terdapat antara tahun 60an, 70an, dan 80an. Ini bermakna secara tidak langsung pasaran lagu-lagu pop Melayu semakin meningkat di Malaysia. Walau bagaimanapun pasaran lagu-lagu pop Melayu amat terhad kerana pada umumnya peminat muzik ini terdiri dari muda-mudi Melayu sahaja. Oleh yang demikian pendapatan adalah daripada satu golongan rakyat sahaja iaitu masyarakat Melayu.

Malaysia tidak seperti negara-negara yang mempunyai satu bahasa dan budaya seperti Amerika dan Britain. Negara-negara seperti ini amat mudah untuk memasarkan kaset-kaset muzik pop disebabkan dalam satu bahasa sahaja. Oleh itu pendapatan kumpulan muzik pop di Amerika dan Britain amat lumayan sekali dan dapat menjadikan satu sumber pendapatan yang memuaskan.